

## BAB VI

### PENUTUP

#### Kejayaan dan Kelemahan Pertubuhan Buruh Antarabangsa

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) yang ditubuhkan dengan maksud untuk menegakkan keadilan sosial di seluruh dunia telah banyak mendapat kejayaan. Kejayaannya yang amat ketara ialah di bidang bantuan teknik kepada negara-negara anggota. Di bidang tersebut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah berjaya menolong negara-negara dengan cara menghantar pakar penasihat dan memberi hadiah-hadiah pelajaran di bidang ini. Bantuan teknik diberi di dalam semua bidang seperti latihan vokesyenal, perlatihan, daya pengeluaran dan lain-lain pekerjaan. Contoh kejayaan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) ialah Projek Andean Indian di Amerika Latin.

Selain daripada kejayaan di atas Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) tidak mendapat kejayaan di dalam penggunaan Konvensyen-konvensyen Antarabangsa yang telah diluluskan oleh negara-negara anggota. Walau pun negara-negara anggota ada kalanya telah mengesahkan sesuatu konvensyen atau sesuatu piawai (standard) antarabangsa tetapi ia tidak mematuhi dan menggunakannya. Ini dapat kita lihat di Malaysia antara tahun 1969.

Majlis Gerakan Negara pada 9 haribulan Oktober 1969 telah mengistiharkan beberapa pindaan undang-undang dan

meluluskan undang-undang baharu yang memberi kesan kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja.<sup>(1)</sup> Sebahagian dari perkataan yang terkandung di dalam pindaan undang-undang yang baharu ini telah memutuskan terus dasar pokok yang sedia terkandung di dalam beberapa ketetapan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA).

Pindaan yang dibuat kepada Undang-undang Kesatuan Sekerja pada 8 haribulan Oktober 1969<sup>(2)</sup> telah menghalang Kesatuan di dalam perkhidmatan awam daripada bergabung dengan Kongres Kesatuan-kesatuan Sekerja Malaysia yang mengakibatkan putusnya hubungan antara Kesatuan-kesatuan di dalam Perkhidmatan Awam dengan Pusat Kebangsaan Kesatuan-Kesatuan itu. Dengan yang demikian beberapa Kesatuan di dalam Perkhidmatan Awam yang telah bergabung dengan Pusat Kebangsaan semenjak ianya ditubuhkan dalam tahun 1950 terpaksa menarik diri daripada bergabung dengan Kongres itu.<sup>(3)</sup>

Kakitangan dari Perkhidmatan Awam telah terpaksa berpisah dengan Pusat Kebangsaan Kesatuan itu disebabkan undang-undang tersebut.

Kesatuan-kesatuan yang bergabung di dalam Kesatuan-kesatuan Sekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) telah

(1) Kementerian Buruh Malaysia: Majallah Suara Teknik - November 1969: (Terbitan Kementerian Buruh Malaysia)

(2) Lihat P.U (A) 406.

(3) Opcit.

bersungguh-sungguh hendak menjadikan Kongres itu sebagai satu Kesatuan Kebangsaan untuk Kakitangan dalam Perkhidmatan Awam (NUEPACS) dan seterusnya telah memohon kelulusannya daripada Pendaftar Kesatuan Sdkerja. Tetapi kerajaan telah mengisytiharkan undang-undang kerajaan<sup>(4)</sup> pada bulan September 1969 yang menghalang kebebasan pergaulan di bawah satu pertubuhan. Oleh sebab itu permohonan tersebut telah ditolak. Undang-undang ini hanya membenarkan sebuah kesatuan ditubuhkan mengikut pekerjaan, Jabatan atau Kementerian. Ini adalah satu perbuatan yang bertujuan untuk merosakkan perpaduan di antara kakitangan di dalam Perkhidmatan Awam.

Tindakan kerajaan Malaysia meluluskan undangan-undang<sup>(5)</sup> dan pindaan undang-undang<sup>(6)</sup> Kesatuan Sekerja itu adalah bertentangan dengan Konvensyen 87 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) mengenai kebebasan Persatuan dan Perlindungan Hak untuk menubuh Konvensyen 1948, dan Konvensyen 98 mengenai Pemakaian Prinsip kepada Hak untuk Menubuh dan Bertawar Menawar 1949. Artikel 3(2) Konvensyen 87 mengatakan - pehak berkuasa mestilah menahan sebarang perbuatan campur tangan yang boleh menyekat hak untuk berpersatuan dengan sah. Di sini kerajaan Malaysia sendiri yang menyekat hak tersebut. Artikel 11 Konvensyen 87 menyebut tiap-tiap negara anggota

(4) Bil P.U. 448

(5) Bil P.U. 448

(6) P.U.(A) 406

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) mestilah membuat sesuatu tindakan yang perlu dan tegas untuk memastikan bahawa pekerja dan majikan berhak untuk menubuh persatuan dengan bebas. Di sini ternyata Malaysia telah melanggar peruntukan ini apabila ia menghalang penubuhan Kesatuan Kebangsaan Kakitangan di dalam Perkhidmatan Awam (NUEPACS).

Artikel 1 Konvensyen 98 pula menyebut bahawa tiap-tiap pekerja berhak mendapat perlindungan yang cukup dari sebarang perbuatan yang menghalang untuk menubuh dan memasuki persatuan (anti union).

Dengan ini jelaslah bahawa tindakan kerajaan Malaysia pada tahun 1969 itu dengan meluluskan dan meminda undang-undang Kesatuan Sekerja adalah bertentangan dengan cita-cita Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) untuk mencapai dan menegakkan keadilan sosial di kalangan pekerja.

Satu lagi kegagalan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) yang nyata ialah di bidang hak asasi manusia terutama penghapusan diskriminasi bangsa (racial discrimination).

Pada tahun 1958 telah diluluskan satu Konvensyen mengenai Diskriminasi di dalam Pekerjaan (Konvensyen III). Konvensyen ini juga adalah membawa persoalan diskriminasi bangsa (racial discrimination). Pada tahun 1960 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengisahkan Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Bangsa. Ia diikuti oleh Konvensyen pada tahun 1965 mengenai perkara yang serupa. Pertubuhan

Buruh Antarabangsa (PBA) telah menerima kedua Perishtiharan dan Konvensyen tersebut dan sebanyak 77 negara anggota telah mengesahkannya.

Seperti juga Perishtiharan Philadelphia 1944, Perishtiharan 1960 dan Konvensyen 1965 melarang sebarang bentuk diskriminasi di dalam lapangan pekerjaan, pelajaran, kesihatan dan sosial semata-mata berdasarkan kaum (race), ugama, warna kulit, jantina, status dan fahaman politik.

Walau pun banyak negara-negara anggota yang menerima prinsip di atas tetapi pada praktiknya diskriminasi masih banyak diamalkan.

Kegagalan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) yang paling jelas ialah menghapuskan dasar perbezaan warna kulit (Apartheid) di Afrika Selatan. Usaha-usaha telah dibuat oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) untuk menghapuskan dasar apartheid itu. Satu Perishtiharan mengenai Polisi 'Apartheid' di Afrika Selatan telah diadakan pada tahun 1964. Perishtiharan itu disokong sebulat suara oleh negara-negara anggota telah menyeru Afrika Selatan supaya menghapuskan dasar 'apartheid'.

Perishtiharan itu telah mengarahkan Pengurus Agung supaya memberikan lapuran mengenai masalah di Afrika Selatan itu pada tiap Persidangan Buruh Antarabangsa. Daripada pemerhatian Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) tiap-tiap tahun satu lapuran khas telah di berikan oleh Pengurus Agung pada tahun 1971. Lapuran tersebut telah memberi gambaran

sebenar dan kesan akibat dasar 'Apartheid' tersebut. Lapuran tersebut juga memberi cara yang praktik yang boleh dimainkan oleh majikan, pekerja dan Pertubuhan-pertubuhan majikan dan pekerja. Lapuran tersebut telah merayu semua negara anggota Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) serta Pertubuhan-pertubuhan Majikan dan Pekerja supaya mengambil langkah yang tertentu untuk menghapuskan dasar 'apartheid' tersebut.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) sentiasa mengikuti perkembangan dan mengkaji dasar apartheid tersebut walau pun Afrika Selatan telah digugurkan keanggotaan dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) pada tahun 1966. Tetapi sehingga hari ini Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) masih belum boleh menghapuskan dasar 'apartheid' di Afrika Selatan, sebaliknya baharu-baharu ini dasar tersebut makin kuat hingga berlaku pertempuran antara kulit putih dan kulit hitam. Mungkin pertempuran-pertempuran begini menandakan bahawa dasar apartheid akan tumbang di Afrika Selatan.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) seharusnya mengambil langkah yang tegas untuk memastikan bahawa negara-negara anggota memakai dan mematuhi segala Piawai, Persidangan atau Konvensyen Antarabangsa yang telah mereka sahkan. Masaalah sekarang ialah tidak ada hukuman undang-undang (legal sanction) yang dikenakan kepada negara-negara anggota yang engkar atau tidak memakai serta tidak mematuhi Piawai,

Persidangan atau Konvensyen antarabangsa tersebut. Kalau ada pun hanyalah hukuman di luar undang-undang (extra legal sanction) umpamanya di bidang ekonomi mereka akan menerima akibatnya.

Oleh sebab itulah Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) tidak dapat menjalankan tugasnya dengan licin kerana jentera penggerak sesuatu rancangan yang paling berkesan ialah negara-negara anggota itu sendiri dan negara-negara anggota mempunyai jentera penggerak yang paling berkesan iaitu badan perundangan.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) akan mencapai kejayaan yang lebih jika negara-negara anggota menerima sesuatu Piawai, Resolusi di dalam Persidangan atau Konvensyen dan kemudian menyerahkannya kepada badan perundangan masing-masing untuk dikuatkuasakan kepada semua rakyat iaitu di dalam bentuk undang-undang.